

PENGURUSAN PELAJAR SISWAZAH ANTARABANGSA USIM PASCA COVID-19: ANALISIS PANDANGAN PELAJAR

MANAGEMENT OF USIM'S INTERNATIONAL GRADUATE STUDENTS IN POST COVID-19 PANDEMIC: STUDENTS SURVEY

Zainur Rijal Abdul Razak¹
Fauziah Hassan²
Amir Shaharuddin³

¹Fakulti Pengajian Bahasa Utama, USIM, Malaysia, (Email: zainurrijal@usim.edu.my)

²Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM, Malaysia, (Email: fauziah.hassan@usim.edu.my)

³Fakulti Ekonomi dan Muamalat, USIM, Malaysia, (Email: amir@usim.edu.my)

Article history

Received date : 20-1-2022
Revised date : 21-1-2022
Accepted date : 19-3-2022
Published date : 20-3-2022

To cite this document:

Abdul Razak, Z. R., Hassan, F., & Shaharuddin, A. (2022). Pengurusan Pelajar Siswazah Antarabangsa Usim Pasca Covid-19: Analisis Pandangan Pelajar. *Jurnal Penyelidikan Sains Sosial (JOSSR)*, 5(14), 1 - 16.

Abstrak: Penularan wabak Covid-19 telah memberi impak kepada corak kehidupan masyarakat dunia secara keseluruhannya. Kemuncaknya pada sekitar penghujung tahun 2020 ini apabila hampir 4 billion manusia atau separuh dari penduduk dunia menghadapi 'lockdown' atau kawalan pergerakan di rumah atau di pusat kuarantin. Hal ini telah memberi kesan secara keseluruhan kepada pergerakan antarabangsa masyarakat dunia atas apa juga tujuan sama ada untuk pelancongan, perniagaan mahupun pendidikan. Meskipun semua negara akan menarik semula arahan kawalan pergerakan ini apabila keadaan pulih, namun, norma kehidupan masyarakat dunia tidak akan kembali seperti sedia ada untuk tempoh yang lama. Impak negatif Covid-19 ini tidak terkecuali di peringkat pengajian tinggi termasuklah pelajar antarabangsa yang terpaksa menghadapi PdP secara online sepenuhnya. Kesukaran yang dihadapi golongan pelajar ini mungkin tidak diberi perhatian khusus memandangkan mereka merupakan minoriti di universiti. Justeru, kajian ini bertujuan mendapatkan pandangan pelajar siswazah antarabangsa terhadap kesediaan dan pengalaman mereka dalam mengharungi cabaran PdP ketika pandemik. Dapatan dari data kuantitatif ini dijadikan asas untuk mencadangkan dasar pengurusan pelajar siswazah antarabangsa pasca pandemik. Kajian ini mendapat maklumat yang diperlukan melalui kaedah soal selidik yang diedarkan kepada 130 pelajar siswazah antarabangsa semasa yang sedang mengikuti pengajian sarjana dan doktor falsafah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). Hasil kajian menunjukkan bahawa walaupun sebahagian besar pelajar antarabangsa siswazah di USIM tidak menghadapi masalah besar dalam mengikuti PdP online ketika pandemik Covid-19 ini. Namun, minoriti pelajar juga perlu diberi perhatian agar tiada pelajar tercicir dari mengikuti pengajian. Kajian juga menunjukkan aspek kebajikan dan kebolehcapaian fasiliti menjadi isu utama yang perlu ditangani pihak universiti.

Kata Kunci: Pengurusan Pelajar, Pelajar Antarabangsa, PdP Online, Pasca Covid-19

Abstract: *The spread of Covid-19 pandemic has impacted negatively on the whole world community. As a result, almost 4 billion people or half of the world's population face 'lockdown' or movement control at home or in quarantine centres at the end of year 2020. This situation hit the whole world community as it restricted all international movements and borders closure for all travel purposes including tourism, business and education. Although the world will eventually withdraw this restriction policy when the situation recovers, this new norm of life will for a long period of time. The negative impact of this pandemic is no exception at the tertiary level, including international students who have to switch to fully online teaching & learning activities for the rest of their studies. The struggles faced by this category of students may not be given special attention as they are a minority group in the university. Thus, this study aims to obtain the views of international graduate students on the aspect of readiness and experience in facing the challenges of online teaching & learning process during the pandemic. Findings from these quantitative data are used as a basis for proposing management policies for post-pandemic international graduate students. This study collected data through questionnaires distributed to 130 current international graduate students who are pursuing master's and doctoral degrees at Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). The results of the study showed that most of the graduate international students at USIM did not face major problems in following online teaching & learning during Covid-19 pandemic. However, the minority of students also need to be given priority to avoid drop out from the university. The study also shows that the aspects of welfare and accessibility to university's facilities are the main issues that need to be addressed by the university.*

Keywords: *Students Management, International Students, Online Teaching & Learning, Post Covid-19 Pandemic*

Pengenalan

Penularan wabak Covid-19 yang semakin serius di seluruh dunia telah menyebabkan pergerakan masyarakat dunia tersekat. Sekatan ini bukan sahaja telah menghalang perjalanan antarabangsa, tetapi juga telah menghadkan pergerakan dalam negara. Penularan wabak ini telah memberi impak besar kepada rutin penduduk dunia apabila ia telah menyekat sebahagian besar aktiviti ekonomi di semua sektor dalam usaha untuk mengekang penularan wabak ini (Berita harian, 2020). Apatah lagi, negara-negara yang terjejas teruk dengan wabak ini merupakan negara-negara yang sebelum ini terkenal sebagai gergasi ekonomi dunia di benua masing-masing dan rakyat negara-negara inilah yang banyak melakukan perjalanan antarabangsa samada untuk pelancongan, perniagaan mahupun pendidikan. Bermula dengan negara kuasa ekonomi Asia iaitu China yang menjadi pusat pandemik ini, ia terus menular ke negara-negara maju di Eropah seperti German, Sepanyol, United Kingdom dan Itali dan lain-lain sebelum terus merebak oleh negara kuasa ekonomi nombor satu dunia iaitu Amerika Syarikat (John Hopkins, 2020).

Tidak terkecuali menerima impak wabak ini adalah sektor pendidikan di Malaysia. Berbanding pendidikan di peringkat sekolah, impak wabak ini di peringkat pengajian tinggi lebih unik. Hal ini kerana, selain dari penutupan universiti dan penangguhan semua kelas secara bersemuka seperti di sekolah-sekolah, sekatan perjalanan luar negara menyebabkan universiti kehilangan kemasukan pelajar antarabangsa dari seluruh dunia secara fizikal. Walaupun pendaftaran pelajar secara maya telah menjadi alternatif utama, jumlah mereka yang mendaftar masih terjejas, khususnya program pengajian yang melibatkan jadual pengkuliah seperti pengajian di peringkat sarjana muda dan sarjana. Ini menyebabkan universiti dan kerajaan kehilangan

jutaan ringgit dari hasil yuran dan lain-lain perbelanjaan mereka semasa berada di Malaysia. Bahkan terdapat beberapa universiti swasta yang terpaksa menutup terus operasi akibat tidak mampu menanggung kerugian berterusan kerana kekurangan pelajar antarabangsa. Stacey Viggo (25 Mac 2020) menjangkakan sektor pendidikan yang melibatkan pelajar antarabangsa akan terkesan untuk tempoh 5 tahun sebelum pulih seperti sebelum penularan wabak.

Bagi menyesuaikan dengan situasi terkini, semua universiti mahupun institut pengajian tinggi telah membuat pengubahsuaian terhadap model Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) yang bersifat konvensional di mana pelajar dan pensyarah tidak dapat bertemu secara bersemuka. Proses PdP secara atas talian perlu dimaksimumkan pelaksanaannya. Ini adalah jalan terakhir bagi meneruskan kelangsungan pendidikan pada masa kini, atau ia akan terhenti sehingga wabak ini berakhir. Joe Myers (2021) menyatakan, kajian persepsi responden berkaitan hal ini mendapati pandangan yang berbeza mengikut negara yang terkesan dengan wabak ini. Responden dari Saudi Arabia, Rusia, India dan China mendapati secara purata sebanyak 59% menyatakan penduduk dunia kembali seperti kehidupan sebelum Covid-19 dalam tempoh 12 bulan. Manakala 80% responden dari Jepun berpendapat ia akan mengambil masa yang lebih lama. Begitu juga responden dari negara Italy, Perancis, Korea Selatan dan Sepanyol dengan lebih 50% responden sependapat dengan responden dari Jepun.

Usaha saintis dunia khususnya di negara Amerika Syarikat, Eropah dan China dalam menjalankan penyelidikan untuk mencari vaksin yang sesuai, akhirnya berjaya menemui beberapa jenis vaksin pada penghujung tahun 2020. Namun, program vaksinasi dilihat akan mengambil masa yang lama untuk dilaksanakan kerana ia melibatkan hampir keseluruhan penduduk dunia. Dalam masa yang sama, semua negara terdesak untuk membuka semula sektor ekonomi yang lama terjejas teruk dan mengakibatkan berlakunya beberapa kali gelombang kenaikan kes akibat dari kemunculan pelbagai varian baharu yang mungkin kalis dengan vaksin sedia ada. Di Malaysia juga tidak terkecuali keadaan ini apabila berlakunya beberapa kali gelombang kenaikan kes yang menimbulkan kerisauan kelangsungan proses PdP.

Kesimpulannya, krisis kesihatan dan penularan wabak ini menuntut semua institusi pengajian tinggi membuat anjakan paradigma dalam meneruskan aktiviti PdP untuk kekal resilen dalam merealisasikan agenda negara untuk meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa. Dengan itu, institusi tidak hanya bergantung kepada kaedah sedia ada yang diamalkan sebelum pandemik berlaku.

Permasalahan Kajian

Pengurusan pelajar siswazah khususnya ketika wabak Covid-19 menjadi cabaran utama pihak universiti. Cabaran yang lebih besar dihadapi apabila melibatkan pelajar siswazah antarabangsa. Hal ini kerana, sebahagian pelajar golongan ini memang sedang berada di negara asal mereka atau mengambil keputusan untuk pulang ke negara asal sebelum sempadan negara ditutup. Dengan situasi ini, keperluan untuk menukar sepenuhnya kaedah PdP kepada secara atas talian amat mendesak dan perlu dilakukan dengan kadar segera. Menurut Scull dan rakan-rakan (2020) pelaksanaan proses perubahan ini bukanlah perkara mudah. Bahkan bagi pelajar mod penyelidikan, masalah pengurusan masa (Tseng et al., 2019) dan kurang pemantauan penyelia (Silinda & Brubacher, 2016) menjadi isu utama pembelajaran secara online sepenuhnya. Kajian yang dilakukan oleh Fathoni dan Retnawati (2021) menunjukkan bahawa pelajar mengalami kesan negatif dari fizikal dan psikologi serta masalah teknikal lain seperti masalah internet, peranti, interaksi dengan pensyarah, pemantauan dan pelaksanaan aktiviti pembelajaran semasa pandemik.

Sementara di peringkat universiti pula, aspek kemampuan fasiliti ICT, capaian internet, kemahiran dan latihan kepada pensyarah menjadi topik perbincangan hangat. Bagi universiti yang belum melaksanakan atau kurang memberi penekanan kepada aspek e-pembelajaran dan teknologi ICT dalam PdP sebelum wabak bermula, menghadapi masalah besar dalam memastikan kelangsungan PDP secara atas talian ketika wabak melanda. Masalah ini termasuklah aspek fasiliti, kewangan, latihan dan kepakaran (Tuquero, 2020; Aydemir & Ulu, 2020) yang perlu disediakan dalam masa singkat sebaik sekatan pergerakan dikenakan dan semua kelas fizikal dilarang.

Ia menyebabkan keban Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara konvensional telah berlangsung sejak sekian lama di semua peringkat pengajian. Walaupun ketika era moden ini kemudahan internet dan teknologi pendidikan telah berkembang dengan begitu pesat, proses PdP melalui kaedah konvensional masih menjadi medium utama PdP samada di peringkat sekolah mahupun universiti. Sebaliknya kemudahan ICT dan teknologi pendidikan yang semakin maju pada masa kini berperanan lebih kepada penyokong kepada aktiviti PdP konvensional ini.

Walaupun PdP secara online dilihat lebih mudah dari aspek pelaksanaan serta tidak melibatkan banyak aspek logistik, ia masih tidak menjadi pilihan utama medium PdP berbanding konvensional. Terdapat beberapa faktor kenapa hal ini berlaku antaranya adalah kualiti PdP itu sendiri. Aspek kualiti dapat dicapai secara optimum melalui interaksi secara terus antara pengajar dan pelajar. Sebaliknya interaksi antara kedua pihak secara online adalah terhad dan sering kali berlaku interaksi sehalu. Ia juga mengurangkan kemampuan pemantauan pengajar terhadap pelajar. Secara ringkasnya, penggunaan PdP online secara sepenuhnya mempunyai banyak kekurangan berbanding PdP secara konvensional dari aspek kualiti ilmu yang mampu disampaikan kepada pelajar, unsur mendidik dan juga aspek persekitaran yang kondusif untuk pembelajaran. Justeru, kajian ini ingin melihat sejauh mana pelaksanaan PdP secara online sepenuhnya memberi kesan kepada pelajar siswazah antarabangsa dan bagaimana mereka mengadaptasi situasi semasa dalam PdP mereka.

Objektif Kajian

Berdasarkan kepada penjelasan di atas, kajian ini mempunyai objektif seperti berikut:

1. Mengkaji pandangan pelajar siswazah antarabangsa sedia ada berkaitan pengalaman mengikuti PdP ketika wabak Covid-19.
2. Menganalisa pandangan pelajar siswazah antarabangsa tentang pengurusan akademik dengan pihak universiti ketika wabak Covid-19.
3. Mengemukakan cadangan awal dasar pengurusan akademik pelajar antarabangsa pasca pandemik.

Sorotan Kajian

Pelaksanaan e-Pembelajaran di IPT

Pada masa kini, penggunaan ICT dalam kehidupan telah menjadi sebahagian dari urusan harian manusia. Melihat kepada impaknya yang sangat besar ke atas aspek pendidikan, penggunaan ICT telah digunakan secara meluas khususnya dalam aspek PdP. Peranti ICT seperti telefon bimbit, komputer riba, tablet dan sebagainya semakin banyak digunakan untuk tujuan ini (Nor Fauziana, 2020). Hal yang demikian kerana ia dapat memudahkan proses PdP selain dapat menjadikannya lebih menarik dan efektif. Di peringkat universiti, polisi PdP secara elektronik telah menjadi dasar bermula sebelum 2010 lagi. Kajian yang telah dijalankan oleh Mohamed

Amin Embi dan rakan-rakan (2010) menunjukkan bahawa sebanyak 30.6% staf akademik di universiti mematuhi sepenuhnya polisi e-pembelajaran, manakala 58.7% mematuhi sebahagian dari polisi tersebut. Walaupun begitu, kajian juga mendapati tiadanya panduan atau arahan dari KPT berkaitan penggubalan polisi dan pelaksanaan e-pembelajaran di IPT menyebabkan hanya 38% IPT yang mempunyai polisi e-pembelajaran ini dan melaksanakannya (Mohamed Amin Embi et. Al, 2010).

Bertitik tolak dari hal ini, pihak kerajaan melalui Kementerian Pengajian Tinggi telah menggubal Dasar e-Pembelajaran Negara (DePAN) 2.0 yang telah dilancarkan pada 11 April 2016. Ia bertujuan untuk merangka e-Pembelajaran yang berkualiti di peringkat universiti bagi mentransformasi institusi Pendidikan tinggi supaya lebih berdaya saing di peringkat global menerusi wahana e-Pembelajaran (JPT, 2015). Berbanding penggubalan Dasar e-Pembelajaran yang terdahulu, skop DePAN 2.0 ini lebih komprehensif kerana ia bukan sahaja menekankan kepada aspek kualiti PdP tetapi juga aspek inovasi, pembudayaan pembelajaran sepanjang hayat dan lain-lain (JPT, 2015). Selain dari itu, antara domain yang menjadi intipati dalam DePAN 2.0 adalah aspek infrastruktur pelaksanaan e-Pembelajaran ini yang meliputi aspek peralatan dan perisian ICT serta internet dan liputan wifi. Namun, tumpuan aspek infrastruktur pada ketika itu adalah merujuk kepada fasiliti dalam kampus IPT atau kolej kediaman pelajar sahaja. Dengan pelaksanaan PdP online ketika wabak Covid-19 ini menular, semua pelajar berada di rumah atau kampung masing-masing dan fasiliti ICT di kampus ini tidak dapat digunakan semaksima mungkin untuk kelancaran PdP. Justeru, pelbagai inisiatif segera diumumkan pihak KPT bagi menangani masalah ini antaranya menyediakan dana berjumlah RM 24 juta bagi bantuan pelan data internet kepada pelajar B40, bantuan komputer riba dan wang tunai kepada pelajar terjejas (Berita Harian, 31 Oktober 2020).

Penggunaan ICT dalam PDP

Penggunaan ICT dalam PdP dan penetapan dasar yang telah diletakkan oleh KPT pada masa kini lebih jelas dan merangkumi semua pemegang taruh. Namun begitu, keberkesanan peranti ICT ini dalam PdP hanya dapat dimaksimumkan penggunaannya sekiranya kedua pihak pengajar dan pelajar memiliki kemahiran berkaitan. Penularan wabak Covid-19 di seluruh dunia telah memberi impak yang amat besar kepada bidang pendidikan di peringkat pengajian tinggi di dunia dan Malaysia khususnya. Akibat penutupan universiti secara total pada peringkat awal penularan, sesi PdP secara bersemuka tidak dijalankan seperti biasa, sebaliknya terpaksa bertukar kepada atas talian sepenuhnya. Di peringkat universiti, KPT telah memaklumkan bahawa Majlis Keselamatan Negara (MKN) telah meluluskan cadangan KPT supaya semua aktiviti PdP hendaklah dilaksanakan secara online sehingga 31 Disember 2020 (Nor Fauziana, 2020, Noor, 2020). Oleh kerana wabak ini melanda tanpa dijangka, perubahan mendadak PdP kepada secara online sepenuhnya mengakibatkan tiada persediaan secukupnya samada dari pihak institusi mahupun pelajar. Laporan yang dikeluarkan oleh Di Pietro dan rakan-rakan (2020) menyatakan bahawa pada minggu pertama perintah berkurung di Eropah sebanyak 10% pelajar di UK samada tidak mempunyai akses internet di rumah atau komputer riba untuk mengikuti proses PdP. Statistik yang sama di Malaysia di mana data pada tahun 2019 menunjukkan sebanyak 90.1% rakyat mempunyai akses kepada internet. Sementara statistik pada tahun yang sama juga menunjukkan bahawa sebanyak 71.3% mempunyai peranti (Nor Fauziana, 2020). Walaupun begitu, penularan wabak yang di luar jangkaan ini dan perubahan mendadak dari PdP secara konvensional kepada atas talian menyebabkan para pelajar dan ibubapa sendiri tidak bersedia pada peringkat awal pelaksanaan. Hal ini antara lain disebabkan capaian internet sedia ada adalah terhad dan tidak mencukupi untuk penggunaan PdP yang memerlukan data yang lebih banyak. Pelaksanaan ujian secara online pula

menghadapi masalah yang lebih serius di mana ia melibatkan ketepatan masa dan isu integriti. Menurut Burgess dan Sievertsen (2020), penutupan sekolah dan universiti di seluruh dunia juga telah menjejaskan aspek penilaian para pelajar di mana ia membuka ruang kepada berlakunya ralat yang besar apabila diubah sepenuhnya kepada penilaian online.

Akibat daripada isu ini, kebanyakan universiti awam lebih memilih untuk menjalankan penilaian pelajar secara berterusan berbanding peperiksaan atas talian terutama ketika di awal penularan wabak. Namun begitu, usaha berterusan pihak berkaitan di universiti dalam meningkatkan kapasiti dan kemampuan kemudahan ICT, situasi ini dilihat semakin baik di mana penilaian mula beralih secara berperingkat kepada ujian dan peperiksaan secara online.

Bagi pelajar antarabangsa terutama yang terkandas di negara masing-masing, pelaksanaan sekatan antarabangsa menjadi halangan besar untuk mereka mengikuti PdP secara fizikal. Justeru, penyelesaian yang paling tuntas dalam masalah ini adalah beralih sepenuhnya kepada PdP online. Dalam hal ini, pelajar bertanggungjawab memastikan mereka mempunyai capaian internet yang baik kerana proses PdP sepenuhnya ini bukan sahaja melibatkan komunikasi dalam ruangan sosial biasa seperti penggunaan Facebook, Whatsapps, twitter dan sebagainya tetapi juga melibatkan aktiviti lain seperti perkongsian slide kuliah, nota dan bahan-bahan ilmiah lain yang perlu diakses dan dimuat turun. Sementara aspek pengurusan pengajian seperti permohonan-permohonan rasmi dilakukan secara online tanpa melibatkan borang-borang fizikal seperti sebelum ini. Begitu juga dengan pelaksanaan sesi viva voce secara online sepenuhnya tanpa kehadiran fizikal semua ahli. Manakala di peringkat fakulti pula sesi ujian proposal penyelidikan juga dijalankan sepenuhnya secara online. Bagi menyelesaikan masalah ini, KPT pada Mac 2021 telah mendefinisikan semula takrifan 'syarat bermastautin' bagi pelajar antarabangsa di Malaysia. Penakrifan semula ini telah memperluaskan maksud 'mastautin' kepada kehadiran pelajar antarabangsa secara maya juga (MQA, 2021). Syarat sebelum ini mewajibkan pelajar antarabangsa berada di Malaysia secara fizikal sepanjang pengajian mereka.

Kelangsungan PdP secara atas talian

Walaupun ramai melihat PdP secara online yang dilaksanakan kini hanya sebagai jalan terakhir kaedah pengajaran ketika penularan wabak ini, namun ia wajar diteruskan walaupun selepas Covid-19 ini diisytiharkan tamat dan kehidupan manusia kembali seperti biasa. Beberapa penambahbaikan dalam aspek tertentu perlu dilakukan bagi memastikan kelangsungannya selepas itu. Namun, ini tidak bermakna bahawa ia mesti dijalankan sepenuhnya secara atas talian seperti ketika pandemik, sebaliknya diubah secara hibrid mengikut kesesuaian bidang pengajian itu. Ini dengan mengambil kira beberapa subjek yang mungkin tidak sesuai dijalankan secara atas talian.

Justeru, badan-badan professional yang menaungi program-program pengajian tertentu perlu meneliti bagi menentukan bahagian subjek yang sesuai diteruskan pengajarannya secara online walaupun selepas pandemik berakhir. Kelangsungan ini penting memandangkan semua pihak termasuk kerajaan dan rakyat sendiri telah banyak mempertaruhkan masa, tenaga dan kos bagi memperkembangkan PdP online dari aspek fasiliti, capaian internet, pakej-pakej ransangan, latihan-latihan dan lain-lain lagi. Adalah amat merugikan sekiranya segala taruhan ini hanya digunakan untuk sementara. Dari aspek positif pula, berlakunya wabak ini telah membuka mata semua pihak untuk menyokong mempercepatkan pelaksanaan dasar e-Pembelajaran negara yang memang berhasrat menuju ke arah itu.

Walaupun begitu, aspek kualiti PdP tidak harus dikompromi dalam usaha mengadaptasi teknologi pendidikan ini. Elemen-elemen pendidikan yang tidak sesuai dan difikirkan akan mengurangkan kualiti dan keberkesanan PdP tidak wajar dilaksanakan secara online. Ini dengan menyedari bahawa ia tidak semestinya sesuai untuk semua bidang pengajian. Bagi yang tidak sesuai adaptasi teknologi ini boleh berperanan sebagai alat bantuan mengajar yang berperanan memperkukuhkan lagi proses penyampaian bahan PdP kepada pelajar.

Metodologi Kajian

Kajian ini melibatkan analisis deskriptif terhadap responden yang diagihkan secara online kepada semua pelajar siswazah antarabangsa semasa yang sedang menyambung pengajian peringkat sarjana dan doktor falsafah di USIM. Responden terdiri dari N=130 pelajar atau 20% dari 650 pelajar siswazah antarabangsa yang mendaftar ketika data ini dikutip. Oleh kerana keberadaan responden di pelbagai lokasi di seluruh dunia dan sekatan pergerakan yang terhad, soal selidik diedarkan secara atas talian menggunakan *Google Form*. Maklumat perhubungan semua pelajar antarabangsa semasa diperoleh melalui Pusat Pengajian Siswazah USIM. Soal selidik yang dibina menumpukan kepada aspek amalan dan SOP pengurusan akademik pelajar ketika pandemik yang perlu kepada perubahan agar disesuaikan dengan pelaksanaan kawalan pasca Covid-19. Ia Merangkumi aspek pandangan mereka tentang pengurusan pelajar pascasiswazah sedia ada, pelaksanaan PdP secara online, komitmen penyelia bagi pelajar penyelidikan dan cadangan mereka untuk pengurusan pelajar antarabangsa pasca Covid-19.

Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian *SPSS* yang meliputi kajian kekerapan, peratusan dan sisihan piawai (*SD*) bagi melihat kecenderungan berpusat mengikut tiga faktor yang dikaji iaitu aspek persediaan mengikuti PdP atas talian, pengalaman PdP dan cadangan penambahbaikan. Bagi melihat korelasi dan hubungan antara faktor-faktor ini ujian signifikan korelasi paerson (*2 tailed*) dilakukan, sementara *ujian-t* digunakan untuk melihat secara lebih mendalam perbezaan signifikan berdasarkan nilai (<0.05) antara pengalaman pelajar siswazah antarabangsa di USIM dengan cadangan penambahbaikan mereka terhadap sistem PdP pasca pandemik.

Dapatan Kajian

Bahagian ini memaparkan hasil analisis data secara saintifik. Data-data yang ditunjukkan dalam bentuk jadual ditafsir dan diterangkan bagi megambarkan situasi sebenar pelaksanaan PdP secara atas talian sepanjang pandemik Covid-19. Cadangan pelajar yang digarap dijadikan asas untuk mencadangkan satu dasar PdP bagi pelajar antarabangsa khususnya di peringkat siswazah. Penjelasan analisis ini boleh dilihat dalam jadual-jadual di bawah:

Jadual 1: Demografi Responden Pelajar Semasa Antarabangsa

Item	Kekerapan	Peratus (%)
Tahap Pengajian		
<i>Ijazah Sarjana</i>	26	20.0
<i>Ijazah Doktor Falsafah</i>	104	80.0
Mod Pengajian		
<i>Penyelidikan</i>	108	83.1
<i>Mod Campuran</i>	11	8.5
<i>Kerja Kursus</i>	11	8.5

Lokasi Semasa

<i>Malaysia</i>	59	45.4
<i>Negara Asal</i>	55	42.3
<i>Lain-lain</i>	16	12.3

Pembiayaan Pengajian

<i>Biasiswa</i>	16	12.3
<i>Pembiayaan Sendiri</i>	114	87.7

Dalam objektif pertama kajian ini, jadual di atas menunjukkan demografi responden pelajar antrabangsa (N=130) mengikut tahap pengajian, mod pengajian, lokasi bakal pelajar dan status pembiayaan pengajian. Berdasarkan jadual di atas, sebanyak 104 (80.0%) responden merupakan pelajar di peringkat Ijazah Doktor Falsafah manakala 26 (20.0%) adalah pelajar di peringkat Sarjana. Manakala bagi mod pengajian, mod penyelidikan paling tinggi iaitu sebanyak 108 (83.1%) manakala mod pengajian campuran dan kerja kursus masing-masing mempunyai nilai yang sama iaitu sebanyak 11 (8.5%). Bagi lokasi pelajar semasa, seramai 59 (45.4%) berada di Malaysia pada ketika ini, 55 (42.3%) pula berada di negara asal masing-masing dan sebanyak 16 (12.3%) responden berada dalam kategori lain-lain. Sementara aspek status pembiayaan pula, sebanyak 114 (87.7%) pelajar tidak mempunyai biasiswa dan hanya 16 (12.3%) sahaja mempunyai biasiswa pengajian.

Jadual 2: Taburan Kekerapan dan Peratusan Kesediaan Pelajar Semasa untuk Pengajian secara dalam Talian (N=130)

Item	Ya	%	Tidak	%
1. Saya mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang pembelajaran dalam talian.	113	86.9	17	13.1
2. Saya berpendapat bahawa USIM mempunyai kemudahan yang mencukupi untuk meneruskan pengajaran semasa Covid-19.	116	89.2	14	10.8
3. Saya bersedia dari segi mental untuk pembelajaran dalam talian sepanjang tempoh tersebut.	113	86.9	17	13.1
4. Saya berjaya mendapatkan semua maklumat yang diperlukan untuk pengajian dalam talian anda.	108	83.1	22	16.9
5. Saya menghadapi kesukaran untuk mengamalkan norma baharu dalam pembelajaran dalam talian.	42	32.3	88	67.7
6. Saya mempunyai peralatan ICT yang sesuai untuk belajar dalam talian.	115	88.5	15	11.5

7. Saya mudah untuk melanggan pelan data internet di negara anda.	117	90.0	13	10.0
8. Saya menghadapi kesukaran untuk berhubung melalui talian dengan kakitangan yang berkaitan di USIM.	43	33.1	87	66.9
9. Kakitangan PPS membantu untuk membimbing saya untuk belajar dalam talian.	100	76.9	30	23.1
10. Perbezaan masa antara negara saya dan Malaysia adalah masalah kritikal untuk mengikuti kelas dalam talian/berkomunikasi dengan penyelia.	34	26.2	96	73.8

Jadual 2 di atas menunjukkan bahawa taburan kekerapan dan peratusan kesediaan pelajar semasa untuk pengajian secara dalam talian. Analisa secara keseluruhan menunjukkan bahawa pelajar semasa kebanyakannya bersetuju dan bersedia untuk menghadapi pembelajaran secara dalam talian ketika pandemik Covid-19 ini berlaku. Namun ada juga pelajar semasa yang menghadapi kesukaran untuk mengamalkan norma baharu dan mengikuti pembelajaran secara dalam talian iaitu sebanyak 42 (32.3%). Selain itu, terdapat juga pelajar yang menghadapi kesukaran untuk berhubung melalui talian dengan kakitangan yang berkaitan di USIM iaitu sebanyak 43 (90.0%) dan sebanyak 34 (26.2%) pelajar yang menghadapi masalah mengenai perbezaan masa di antara dua negara.

Jadual 3: Purata dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Pengalaman Pembelajaran dalam talian semasa Pandemik Covid-19 (N=130)

Item	Purata	Sisihan Piawai
1. Penyelia/pensyarah saya sudah bersedia untuk pengajaran/perjumpaan dalam talian.	4.23	.938
2. Mudah untuk berkomunikasi dengan penyelia/pensyarah saya semasa Covid-19.	4.23	.962
3. Mudah untuk mendapatkan sumber yang saya perlukan daripada sistem perpustakaan universiti.	3.49	1.080
4. Kelas/perjumpaan online saya dengan pensyarah/penyelia berjalan dengan baik tanpa gangguan teknikal.	3.83	.973
5. Pensyarah/penyelia saya sangat membantu untuk mengatasi masalah teknikal berkaitan pengajaran/perjumpaan dalam talian.	4.13	.887
6. Penyelia/pensyarah saya menggunakan pelbagai platform pengajaran/pertemuan dalam talian yang sesuai untuk saya.	4.08	.932

7. Tiada perbezaan antara kualiti kelas dalam talian dan kelas/mesyuarat konvensional.	3.99	1.162
8. Saya tidak menghadapi sebarang kesulitan dalam pertukaran dokumen akademik melalui atas talian dengan penyelia/pensyarah.	3.99	.999
9. USIM telah berjaya membimbing saya untuk mengakses mana-mana kemudahan yang diperlukan semasa Covid-19.	3.80	.999
10. Saya rasa USIM sudah bersedia untuk mengadakan kelas/mesyuarat dalam talian semasa Covid-19.	4.04	.947
Purata	3.98	0.987

Jadual 3 di atas menunjukkan purata dan sisihan piawai persepsi responden terhadap pengalaman pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19. Nilai purata keseluruhan ialah 3.98 dan sd 0.987. Berdasarkan jadual di atas, item 1 dan 2 mempunyai nilai purata yang tertinggi dan sama iaitu 4.23, SD = .938, 4.23 SD = .962.

Jadual 4: Purata dan Sisihan Piawai Persepsi Responden Terhadap Cadangan Penambahbaikan kepada Universiti (N=130)

Item	Purata	Sisihan Piawai
1. USIM harus memperuntukkan bantuan kewangan khas untuk pelajar mendapat akses kepada pelan data internet.	3.94	1.029
2. USIM wajar membentuk pasukan petugas khas universiti untuk mencari pelajar antarabangsa yang berada dalam kesusahan.	4.19	.826
3. USIM seharusnya membantu pelajar antarabangsa yang menghadapi kesukaran di Malaysia.	4.28	.873
4. Disebabkan oleh wabak ini, USIM harus bertolak ansur dengan pembayaran yuran dengan memanjangkan masa untuk pelajar membayar.	4.38	.934
5. Disebabkan pandemik, USIM perlu meminta pensyarah/penyelia supaya fleksibel dalam jadual waktu pembelajaran.	4.24	.940
6. USIM harus bekerjasama rapat dengan kedutaan untuk berkongsi maklumat berkaitan pelajar antarabangsa.	4.17	.991
7. USIM seharusnya membantu pelajar dari segi kewangan untuk memiliki peralatan ICT yang sesuai untuk pembelajaran dalam talian.	4.00	1.092

8. USIM harus mempunyai satu platform dalam talian khusus untuk kelas/mesyuarat.	3.97	.984
9. Sekiranya wabak itu wujud dalam tempoh yang lama, USIM sepatutnya mempunyai pelan kontingensi untuk pelajar antarabangsa.	4.38	.848
10. USIM sepatutnya membenarkan pelajar menangguhkan pengajian semasa pandemik tanpa menjejaskan bilangan semester.	4.13	1.097
Purata	4.16	0.961

Jadual 4 di atas menunjukkan purata dan sisihan piawai persepsi responden terhadap pengalaman pembelajaran dalam talian semasa pandemik Covid-19. Nilai purata keseluruhan ialah 4.16 dan sd 0.961. Berdasarkan jadual di atas, item 4 dan 9 mempunyai nilai purata yang tertinggi dan sama iaitu 4.38, SD = .934, 4.38 SD = .848.

Jadual 5: Taburan Responden Mengikut Tahap Persepsi Terhadap Pengalaman Pembelajaran secara dalam talian semasa Pandemik Covid-19 (N=130)

Tahap Pengalaman	Kekerapan	Peratus
Negatif	4	3.1
Neutral	38	29.2
Positif	88	67.7

Berdasarkan Jadual 5 di atas menunjukkan tahap pengalaman pembelajaran secara dalam talian di antara positif, neutral dan negatif. Ia menunjukkan bahawa responden sangat positif terhadap pengalaman pembelajaran secara dalam talian semasa pandemik Covid-19 iaitu sebanyak 88 (67.7%). Manakala sebanyak 38 (29.2%) responden bersifat neutral namun terdapat 4 (3.1%) responden mempunyai pengalaman yang negatif terhadap pengalaman pembelajaran secara dalam talian semasa pandemik Covid-19.

Jadual 6: Taburan Responden Mengikut Tahap Persepsi Terhadap Cadangan kepada Universiti (N=130)

Tahap Cadangan	Kekerapan	Peratus
Negatif	5	3.8
Neutral	17	13.1
Positif	108	83.1

Berdasarkan Jadual 6 di atas menunjukkan tahap pengalaman pembelajaran secara dalam talian di antara positif, neutral dan negatif. Ia menunjukkan bahawa sebanyak 108 (83.1%) responden positif untuk memberi cadangan penambahbaikan kepada pelajar antarabangsa terutama semasa pandemik Covid-19 berlaku. Manakala sebanyak 17 (13.1%) responden bersikap neutral dalam memberi cadangan penambahbaikan kepada pembelajaran di USIM semasa pandemik ini berlaku. Namun, terdapat 5 (3.8%) responden memiliki persepsi negatif terhadap penambahbaikan kepada universiti. Hasil uji korelasi Pearson menunjukkan bahawa

pengalaman pembelajaran secara dalam talian mempunyai hubungan yang signifikan dengan cadangan penambahbaikan kepada Universiti dalam kalangan pelajar semasa Antarabangsa, $r = .274$, $p < 0.002$, $N = 130$.

		Pembelajaran dalam talian	Cadangan penambahbaikan
Pembelajaran dalam talian	Korelasi Pearson	1	.274**
			.002
	N	130	130
Cadangan penambahbaikan	Korelasi Pearson	.274**	1
		.002	
	N	130	130

** . Correlation is significant at the 0.01 level (2-tailed).

Ujian -t

Kajian ini menunjukkan nilai -t bagi perbandingan di antara kesediaan pembelajaran dalam talian dan cadangan penambahbaikan kepada universiti ialah $t = -6.467$ dan tahap signifikan $p = 0.000$. Tahap signifikan ini lebih besar dari 0.05 ($p > 0.05$). Purata cadangan penambahbaikan kepada universiti ialah (min = 4.16) manakala purata bagi kesediaan pembelajaran dalam talian ialah (min = 3.98). Ini menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan di antara keduanya.

Perbincangan dan Cadangan Dasar

Hasil analisis yang dilakukan terhadap responden dari kalangan pelajar siswazah antarabangsa yang sedang mengikuti pengajian di USIM dalam tempoh pandemik ini mendapati bahawa dari aspek demografi pelajar mod penulisan tesis sepenuhnya merupakan golongan terbesar dengan 108 orang (83.1%) di mana 104 pelajar daripadanya mengikuti pengajian doktor falsafah dan 4 pelajar peringkat sarjana. Sebahagian besar mereka juga membiayai sendiri pengajian dan amat terjejas dengan dari aspek ekonomi dengan penularan Covid-19 ini apatah lagi seramai 59 pelajar (45.4%) masih terkandas di Malaysia sementara 12.3% berada di negara lain selain negara asal pelajar dan Malaysia.

Analisis terhadap kesediaan pelajar mengikuti pengajian secara atas talian, secara keseluruhannya sebahagian besar mereka tidak menghadapinya. Hal ini disebabkan mod pengajian sebahagian besar responden iaitu 108 (83.1%) terdiri dari pelajar mod penulisan tesis sepenuhnya yang lebih bersifat bebas dan tidak terikat dengan kelas secara formal. Pelajar kategori ini memang sudah menjadi kebiasaan sebelum pandemik menggunakan internet sebagai medium utama perbincangan dengan penyelia, perkongsian dokumen dan telah memiliki peranti yang bersesuaian untuk penulisan tesis. Sebaliknya masalah lebih banyak dihadapi oleh pelajar mod kerja kursus dan campuran yang melibatkan kelas fizikal sebelum pandemik. Pelajar kategori ini menghadapi masalah untuk menyesuaikan diri dengan normal baharu PdP yang bergantung sepenuhnya kepada online semenjak pandemik bermula. Kajian juga membuktikan pelajar antarabangsa menghadapi kesukaran menghubungi pihak bertanggungjawab bagi menyelesaikan urusan akademik. Hal ini disebabkan peraturan Bekerja Dari Rumah (*Work From Home*) menyebabkan staf bertanggungjawab di USIM tidak dapat dihubungi melalui talian telefon rasmi universiti. Sementara penggunaan email untuk komunikasi walaupun boleh diakses tetapi mengambil masa untuk mendapat respon pegawai berkenaan. Masalah lain yang dihadapi adalah perbezaan zon masa bagi pelajar yang berada di

negara asal ketika pandemik melanda. Oleh kerana sebahagian besar pelajar antarabangsa USIM berasal dari negara Arab dan timur tengah, jadual kelas pada sebelah pagi di Malaysia menyukarkan mereka mengikutinya akibat dari perbezaan zon masa ini.

Setelah hampir dua tahun melalui pengajian secara online, pengalaman yang dimiliki sudah mampu disesuaikan dengan keadaan semasa bagi sebahagian besar responden. Justeru, kajian mendapati sebahagian besar pelajar 'sangat bersetuju' dan 'bersetuju' dengan semua aspek yang ditanya terutama berkaitan kesediaan pensyarah/penyelia dan kemudahan akses kepada mereka dengan masing-masing pada kadar .938 dan .964 sisihan piawai. Bagaimanapun, mereka menghadapi kekangan untuk mengakses bahan-bahan digital di perpustakaan USIM dengan kadar 1.080 sisihan piawai. Mereka juga tidak dapat membezakan kualiti PdP secara online dan konvensional dengan kadar 1.162 sisihan piawai. Secara keseluruhannya persepsi responden terhadap PdP atas talian sepanjang pandemik ini adalah positif dengan 67.7% seperti dalam jadual 6.

Kajian juga menganalisa persetujuan pelajar terhadap cadangan yang dikemukakan bagi menambahbaik perkhidmatan USIM kepada pelajar antarabangsa. Jadual 4 menunjukkan mereka amat bersetuju dengan cadangan supaya pihak USIM bertolak ansur dengan tempoh bayaran yuran dengan kadar .934 sisihan piawai, mempunyai pelan kontigensi khas untuk pelajar antarabangsa (.848), membantu pelajar yang terkandas di Malaysia (.873) dan mempunyai jadual PdP yang lebih fleksibel. Antara saranan lain yang dipersetujui adalah universiti menyediakan bantuan kewangan memandangkan data menunjukkan sebahagian besar pelajar membiayai sendiri pengajian mereka. USIM juga disaran memulakan inisiatif libatsama dengan kedutaan negara-negara masing bagi membantu pelajar. Ini penting bagi memastikan kelangsungan pengajian tidak terganggu, bahkan dapat berjalan dengan kualiti PdP yang sama sebelum pandemik.

Walaupun analisis menunjukkan hasil yang positif secara keseluruhannya bagi majoriti pelajar antarabangsa, segelintir pelajar yang menghadapi pelbagai masalah ketika pandemik ini wajar diberi perhatian. Kekurangan mereka dari aspek akses internet, peralatan ICT, kewangan dan emosi sepatutnya menjadi agenda utama universiti dalam memberikan bantuan. Sekiranya tidak dibantu, meskipun jumlahnya sedikit, mereka akan tercicir dari pengajian untuk tempoh tertentu dan mungkin akan menarik diri pengajian. Bantuan dalam bentuk perkara asas seperti pembiayaan data internet dan peranti PdP amat mustahak bagi mereka.

Hasil dari dapatan kajian ini satu dasar pengajian siswazah antarabangsa di peringkat universiti boleh dicadangkan seperti berikut:

Tanggungjawab Universiti

1. Memberi latihan secara berkala kepada pelajar antarabangsa untuk menyesuaikan diri dengan PdP secara dalam talian. Bagi tujuan ini pihak universiti perlu mendapatkan data pelajar dari negara manakah menghadapi masalah menyesuaikan diri pada tahap yang serius dan perlu diberi bimbingan khusus. Hal ini kerana tahap pendedahan pelajar antarabangsa berbeza mengikut pengalaman sebelum belajar di Malaysia.
2. Setiap jabatan yang bertanggungjawab menguruskan pelajar antarabangsa mempunyai nombor panggilan telefon khas yang mudah diakses walaupun ketika di luar kampus. Seorang kakitangan perlu dikhaskan untuk menguruskan panggilan ini dan membantu menyelesaikan urusan pelajar.

3. Penyusunan jadual PdP bagi program yang melibatkan kelas lebih fleksibel dan mengambil kira perbezaan zon masa majoriti pelajar antarabangsa yang berada di negara masing-masing. Kelas secara tidak segerak (*asynchronous*) boleh diutamakan atau diselangselikan bersama kelas segerak (*synchronous*) mengikut kesesuaian pensyarah dan pelajar tanpa mengurangkan kualiti PdP itu.
4. Memperkemaskan sistem akses pelajar kepada perpustakaan universiti secara digital yang sedia ada dengan lebih meluas dan mudah. Pihak perpustakaan menganjurkan kelas-kelas pengguna dengan lebih kerap berkaitan kaedah carian rujukan secara digital melalui platform perpustakaan universiti. Penerangan kepada penggunaan fasiliti secara dalam talian lain yang berkaitan pelajar juga dianjurkan secara berkala.
5. Tinjauan terhadap akses pelajar kepada kemudahan ICT universiti perlu meliputi pelajar siswazah juga khususnya antarabangsa bagi memantau kelicinan perjalanan PdP mereka serta membantu menyelesaikan masalah yang dihadapi berkaitan ICT. Pihak universiti juga memberi bantuan kewangan atau bantuan peralatan ICT untuk kegunaan PdP pelajar.
6. Pihak universiti menubuhkan dana khas bagi pelajar antarabangsa untuk membantu pelajar antarabangsa dari aspek kebajikan dan sara hidup secara bersasar. Universiti mesti memiliki data yang lengkap berkaitan golongan sasaran yang perlu dibantu seperti golongan pelajar yang tiada pembiayaan kewangan atau pelajar berkeluarga. Kerjasama erat perlu dijalin dengan pihak kedutaan negara masing-masing bagi berkongsi maklumat dan data supaya bantuan sampai kepada pelajar yang berkelayakan.
7. Pihak universiti menstruktur semula pelan pembayaran yuran pelajar supaya lebih fleksibel serta dapat dibuat secara berperingkat. Bagi mengelak universiti terkesan dari segi kewangan dengan pelaksanaan pelan ini, had masa pembayaran perlu ditetapkan dan dimaklumkan kepada pelajar di awal setiap semester.
8. Mengambil iktibar dari penularan Covid-19 ini, universiti perlu mempunyai pelan kontegensi umum berkaitan pengurusan pelajar antarabangsa ketika bencana supaya ia dapat diaktifkan segera sekiranya bencana berlaku pada masa hadapan. Pelan ini perlu menyeluruh meliputi aspek kebajikan dan pengajian pelajar.

Kesimpulan

Umumnya, semua pihak amat terkesan dengan penularan wabak Covid-19 ini. Dalam konteks pengajian tinggi, ia menjejaskan kelangsungan PdP yang sebelum ini dijalankan secara konvensional. Pengamalan normal baharu dalam PdP ini mengambil masa untuk disesuaikan oleh pelajar dan pensyarah. Namun, setelah lebih setahun semua pihak mengharungi cabaran normal baharu dalam PdP secara online, sistemnya telah ditambahbaik dari semasa ke semasa dan baik pelajar mahu pun pensyarah dapat menerima ia sebagai normal baharu masa kini. Ini dapat dilihat dari hasil kajian yang menunjukkan bahawa sebahagian besar pelajar antarabangsa berada dalam keadaan bersedia untuk mengharungi PdP secara online. Sebahagian besar mereka yang terdiri dari pelajar mod penyelidikan telah membiasakan diri dengan pertemuan secara online dan perkongsian maklumat melalui emel dan lain-lain.

Pengalaman pelajar antarabangsa dalam melalui cabaran PdP secara online ketika ini amat berharga untuk kelangsungan pengajian mereka sehingga selesai. Tidak mustahil normal ini diteruskan, walaupun tidak secara sepenuhnya, apabila pandemik ini tamat nanti asalkan

kualitinya adalah sama seperti konvensional. Ini secara tidak langsung mengurangkan banyak kos dan tenaga semua pihak terlibat termasuk pelajar sendiri. Ia juga akan menjadi pilihan alternatif kepada pelajar dan pensyarah untuk menjalankan aktiviti PdP mengikut keselesaan masing-masing.

Rujukan

- Aydemir, D & Ulusu, N. N. (2020). Commentary: Challenges for PHD student during COVID-19 pandemic: Turning crisis into an opportunity. *Biochemistry and molecular biology education: a bimonthly publication of the International Union of Biochemistry and Molecular Biology*, 48(5), 428-429. <https://doi.org/10.1002/bmb.21351>
- Berita Harian. (3 April 2020). "Covid-19: 3.9 Bilion Penduduk Dunia Dilarang Keluar Rumah". Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/dunia/eropah/2020/04/672358/covid-19-39-bilion-penduduk-dunia-dilarang-keluar-rumah>.
- Berita Harian. (31 Oktober 2020). "KPT peruntuk 24 juta bantuan pelan data untuk pelajar IPT B40". Diakses dari: <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/10/748271/kpt-peruntuk-rm24-juta-bantuan-pelan-data-untuk-pelajar-ipt-b40>.
- Burgess, S. & Sievertsen, S.S. (2020). *The impact of Covid-19 on Education*. VOX, CEPR Policy Portal. Diakses pada 21 Disember 2020 dari: <https://voxeu.org/article/impact-covid-19-education>.
- Di Pietro, G., Biagi, F., Costa P., Karpinski Z. & Mazza J. (2020). *The likely Impact of COVID-19 on education: Reflections based on the existing literature and recent international datasets*. JRC Technical Report. Luxemburg: Publication Office of The European Union.
- Fathoni, A. & Retnawati, H. (2021). Challenges and strategies of postgraduate students in online learning during the Covid-19 pandemic. *Jurnal Prisma Edukasia*, 9(2), 233-247. <https://doi.org/10.21831/jpe.v9i2.37393>.
- Joe Myers. (2021). *When will life return to pre-COVID normal?*. World Economic Forum. Diakses pada 20 November 2021 dari: <https://www.weforum.org/agenda/2021/04/normal-pre-covid-post-pandemic/>
- Kementerian Pengajian Tinggi. (2015). *Dasar e-Pembelajaran Negara 2.0*. Putrajaya: Jabatan Pengajian Tinggi.
- John Hopkins University. (14 Disember 2020). New Covid-19 Cases Worldwide. Diakses dari <https://coronavirus.jhu.edu/data/new-cases>.
- Mohamed Amin Embi, Hanafi Atan & Supyan Hussin (2010). Polisi e-Pembelajaran di IPT Malaysia. *Amalan, Keberkesanan & Cabaran Pelaksanaan e-Pembelajaran di Malaysia*. Ed. Mohamed Amin Embi. Putrajaya: Jabatan Pengajian Tinggi.
- MQA. (2021). *Pengemaskinian Istilah Academic Residential Requirement*. Sirkulasi kepada semua universiti.
- Noor, H. H. M. (2020). "Belajar dalam talian hingga 31 Disember". Harian Metro. Diakses dari <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/05/583080/belajardalam-talian-hingga-31-disember>.
- Nor Fauziana Mohd Salleh. (2020). *Pandemik Coronavirus (Covid-19: Pengajaran dan pembelajaran atas talian suatu keperluan di Malaysia*. Research Gate Publications. Diakses pada dari https://www.researchgate.net/publication/342886967_PANDEMIK_CORONAVIRUS_COVID19_PEMBELAJARAN_DAN_PENGAJARAN_SECARA_ATAS_TALIAN_SUA_TU KEPERLUAN_DI_MALAYSIA.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025. (2015). *Ringkasan Eksekutif*. Jabatan Pengajian Tinggi. Diakses dari: /PPPM/Ringkasan-Eksekutif-PPPM-2015-2025.pdf.

- Scull, J., Philips, M., Sharma, U., & Garnier, K. (2020). Innovations in teacher education at the time of COVID19: an Australian perspectives. *Journal of Education for Teaching*, 46(4), 1-10. <https://doi.org/10.1080/02607476.2020.1802701>.
- Silinda, F.T. & Brubacher, M. (2016). Distance learning postgraduate students stress while writing a dissertation of thesis. *International Journal of E-Learning & Distance Education*, 31(1), 1-14.
- Stacey Viggo. (25 Mac 2020). "Five Year Recovery Period Predicted for Global Student Mobility". *The Professional of International Education News*. Diakses dari: <https://thepienews.com/news/five-year-recovery-period-predicted-for-global-student-mobility/>.
- Toquero, C.M. (2020). Challenges and opportunity for higher education amid the Covid-19 pandemic: The Philippine context. *Pedagogical Research*, 5(4). <https://doi.org/10.29333/pr/7947>.
- Tseng, H., Yeh, H. Te, & Tang, Y. (2019). A close look at trust among team members in online learning communities. *International Journal of Distance Education Technologies*, 17(1), 52–65. <https://doi.org/10.4018/IJDET.2019010104>